

**KERTAS BIL. 04/2020**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI  
USAHA KERAJAAN DALAM MENINGKATKAN  
TAHAP LITERASI PENGURUSAN KEWANGAN**

---

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENDAHULUAN	3
2.	FAKTA/LATAR BELAKANG	3-4
	TAKLIMAT / PENDENGARAN TERTUTUP	
3.	TAKLIMAT DARIPADA JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (DOSM)	4-5
4.	TAKLIMAT DARIPADA PUSAT PENYELIDIKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL (SWRC), UNIVERSITI MALAYA (UM)	5-6
5.	PERBINCANGAN JAWATANKUASA BERSAMA YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	7-8
6.	TAKLIMAT DARIPADA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)	8-12
7.	PENEMUAN JAWATANKUASA	12
8.	SARANAN JAWATANKUASA	13
9.	PERAKUAN	14
	AHLI-AHLI JAWATANKUASA	15
	URUS SETIA	15-16
	PEGAWAI-PEGAWAI YANG TURUT HADIR SEMASA MESYUARAT	16

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI USAHA KERAJAAN DALAM MENINGKATKAN TAHAP LITERASI PENGURUSAN KEWANGAN**

---

## **1. PENDAHULUAN**

Penyata ini bertujuan untuk mengenalpasti isu berkaitan tahap literasi pengurusan kewangan dalam kalangan masyarakat di Negeri Selangor dan usaha kerajaan dalam menambahbaik isu tersebut sebagai salah satu langkah untuk membantu golongan miskin membuat keputusan kewangan yang bijak. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat / taklimat sebanyak lima (5) kali pada 11 September 2019, 18 September 2019, 8 Oktober 2019, 27 November 2019, 10 Disember 2019. Dalam mesyuarat jawatankuasa bilangan 16/2019, bertarikh 10 Disember 2019, jawatankuasa telah memutuskan untuk membentangkan penyata berkenaan tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Yang Keempat Belas Tahun 2020. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah menjemput agensi/individu yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup bagi membantu jawatankuasa menilai isu berkaitan tahap literasi pengurusan kewangan dalam kalangan masyarakat di Negeri Selangor.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat Bil 10/2019 pada 11 September 2019 dan telah menjemput Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk menyampaikan taklimat berkenaan corak perbelanjaan bagi golongan berpendapatan di bawah RM4,000, RM3,000 dan RM2,000 di Negeri Selangor. Jawatankuasa juga telah menjemput wakil dari Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya (UM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Selangor dalam mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 11/2019 bertarikh 18 September 2019 untuk menerangkan tentang Belanjawanku. Pada 8 Oktober 2019, mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 13/2019 telah mengadakan

perbincangan bersama Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor untuk membincangkan isu pembasmian kemiskinan di negeri Selangor. awatankuasa juga telah menjemput Bank Negara Malaysia (BNM) pada 27 November 2019, mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan bil 14/2019, untuk memberi taklimat berkenaan Program Literasi Kewangan.

### **3. TAKLIMAT DARIPADA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)**

3.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 10/2019 telah bermesyuarat pada 11 September 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)

3.2 Jawatankuasa mengambil maklum komposisi perbelanjaan mengikut kelas pendapatan di Selangor, jumlah isi rumah yang berpendapatan <RM2,000 kebawah adalah 32,751 dan 33.8% dari pendapatan dibelanjakan untuk perumahan dan 21% untuk perbelanjaan makanan dan 10.8% untuk perbelanjaan makanan di luar (restoran dan hotel) kerana gaya hidup di Selangor membuatkan mereka yang bekerja untuk makan diluar dan sekiranya ditambahkan peratusan untuk perbelanjaan makanan dan restoran, maka golongan ini sebenarnya memperuntukkan sebanyak 31.8% untuk makanan secara keseluruhannya. Manakala sebanyak 16.9% dibelanjakan untuk pengangkutan.

3.3 Jawatankuasa juga telah mendapatkan maklumat tambahan berkenaan statistik isi rumah yang berpendapatan dibawah <2,000 yang berbelanja melebihi pendapatan. Menurut data yang diperolehi, anggaran 67% isi

rumah (iaitu 21,830 isi rumah) yang berpendapatan dibawah <2,000, berbelanja melebihi pendapatan.

#### **4. TAKLIMAT DARIPADA PUSAT PENYELIDIKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL (SWRC), UNIVERSITI MALAYA (UM)**

4.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 11/2019 telah bermesyuarat pada 18 September 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 5) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin  
(ADN Sungai Panjang)
- 6) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)

4.2 Jawatankuasa mengambil maklum penghasilan risalah Belanjawankiu adalah kerana masalah kewangan merupakan punca utama berlaku penceraian dalam kalangan masyarakat dan tahap beban hutang kakitangan kerajaan yang membimbangkan.

4.3 Jawatankuasa mengambil maklum antara cabaran kewangan semasa adalah kebangkrapan dan ianya sangat tinggi dalam kalangan anak muda iaitu sebanyak 60% yang diisytiharkan muflis (tahun 2013 hingga 2017) berumur 18 hingga 44 tahun selain daripada simpanan tidak mencukupi dan hutang yang banyak.

- a) Antara penyebabnya ialah pengurusan kewangan yang lemah dan juga kadar pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan kemiskinan, kualiti hidup yang rendah, dan masalah sosial.
- b) Bebanan hutang banyak adalah kerana kegagalan melunaskan pinjaman bagi sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi, Kad Kredit, dan Pinjaman Perumahan.
- c) Sebab utama kegagalan melunaskan pinjaman adalah kurangnya pendidikan dan kegagalan dalam merancang kewangan.

4.4 Jawatankuasa mengambil maklum berdasarkan kajian, berikut adalah kesilapan yang kerap dilakukan dalam menguruskan kewangan;

- i) Berbelanja di luar kemampuan mengikut nafsu.
- ii) Memberi alasan tiada masa untuk merancang kewangan.
- iii) Berbelanja menggunakan kad kredit dan membayar hanya jumlah minimum.
- iv) Tiada tabungan atau simpanan khas untuk penggunaan dikala kecemasan.
- v) Tidak memikirkan atau menanggung untuk membuat simpanan bagi persiapan hari tua.

4.5 Jawatankuasa mengambil maklum kepentingan untuk memahami cara perbelanjaan iaitu dengan mengenal pasti kehendak dan kemahuan bagi tujuan merancang perbelanjaan supaya dapat menguruskan perbelanjaan dengan cermat dan membuat keputusan yang bijak bersesuaian dengan keperluan mengikut kemampuan.

4.6 Jawatankuasa mengambil maklum inisiatif SWRC untuk membangunkan aplikasi android bagi tujuan pengurusan kewangan yang dapat memberi amaran kepada pengguna seandainya mereka telah berbelanja melebihi anggaran perbelanjaan bagi setiap kategori.

**5. PERBINCANGAN JAWATANKUASA BERSAMA YANG AMAT  
BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

5.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 13/2019 telah bermesyuarat pada 8 Oktober 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B. Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 5) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin  
(ADN Sungai Panjang)
- 6) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)

5.2 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan Y.A.B Dato' MB berkenaan peranan JPK-Pembasmian Kemiskinan iaitu meneliti dan mengkaji keberkesanan dasar, polisi, undang-undang, dan fokus kerajaan berkenaan isu yang berkaitan dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan melalui saranan di dalam penyata kepada kerajaan.

5.3 Y.A.B Dato' MB mendapati terdapat kekangan dalam menilai tahap kemiskinan dan tahap kemampuan perbelanjaan yang hanya berdasarkan pendapatan bulanan semata-mata tanpa mengambil kira bilangan tanggungan ahli keluarga untuk sesebuah isi rumah.

5.4 Jawatankuasa juga mengambil maklum inisiatif kerajaan negeri dalam meningkatkan kesedaran kepentingan merancang kewangan dengan meletakkan syarat kepada peserta program Intensif Perkahwinan untuk

menghadiri kursus berkaitan emosi dan kewangan sebelum menerima bantuan kewangan sebanyak RM300.

## **6. TAKLIMAT DARIPADA BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)**

6.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 14/2019 telah bermesyuarat pada 27 November 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)

6.2 Taklimat telah disampaikan oleh Datin Arlina Ariff, Pengarah Jabatan LINK dan Pejabat BNM (JLPB).

6.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum latar belakang Jabatan LINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) dan Pejabat BNM yang terlibat dalam menyalurkan khidmat nasihat dan penyelesaian kewangan (BNMLINK) kepada rakyat Malaysia.

6.2.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum lokasi JLPB di seluruh Malaysia dan pelbagai medium yang boleh diakses oleh rakyat Malaysia untuk menghubungi pihak BNM.

6.2.3 Jawatankuasa mengambil maklum pelbagai bentuk perkhidmatan nasihat dan penyelesaian kewangan yang ditawarkan oleh pihak BNM melalui saluran perkhidmatan BNMLINK.



- i. Khidmat Nasihat dan Penyelesaian Kewangan
- ii. CCRIS dan eCCRIS (Centralised Credit Reference Information System)
- iii. Khidmat Nasihat dan Perkhidmatan Mata Wang.

6.2.4 Jawatankuasa juga mengambil maklum statistik berkenaan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia yang boleh ditambah baik seperti berikut:-

- i. 3 daripada 10 orang dewasa Malaysia yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas.
- ii. 52% rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.
- iii. Hampir separuh daripada rakyat Malaysia tidak yakin mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk persaraan.

6.2.5 Jawatankuasa mengambil maklum inisiatif literasi kewangan yang diterajui oleh pihak BNM melalui kaedah kumpulan sasaran seperti berikut:-

- i. Kumpulan Sasar Orang Awam melalui Karnival Kewangan, Khidmat Nasihat dan Penyelesaian Kewangan (BNMLINK dan BNMTELELINK) serta Saluran Inovatif yang merangkumi Media Sosial, Aplikasi Mudah Alih (MyBNM, MyLINK, MyRinggit, dan MyTabung), saluran media massa, dll.
- ii. Kumpulan Sasar Penjawat Awam melalui Taklimat Literasi Kewangan, Train-the-Trainer (TTT) dan Sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

- 6.2.6 Jawatankuasa juga mengambil maklum usaha BNM dalam membantu Golongan Berpendapatan Rendah dalam pelbagai aspek kewangan melalui pelbagai produk seperti berikut;
- i. Insurans Mampu Milik dan Mudah (Perlindungan Tenang)
  - ii. Skim Perlindungan Kesihatan (mySalam)
  - iii. Saluran Penyelesaian Kewangan (Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit, AKPK)
  - iv. Ejen Bank berdaftar untuk membantu masyarakat luar bandar.
  - v. Menjana pendapatan (eRezeki dan eUsahawan)
  - vi. Dana Rumah Mampu Milik BNM
  - vii. Penerbitan Berkaitan Kewangan (Ringgit)
- 6.2.7 Jawatankuasa mengambil maklum penerangan dari pihak BNM berkaitan risiko menjadi Pemilik Akaun Keldai/Tumpang.
- 6.2.8 Jawatankuasa juga mengambil maklum cadangan strategi bersama melangkah ke hadapan iaitu melalui Program Literasi Kewangan kepada kumpulan sasaran di Selangor dan perkongsian artikel dan infografik berkaitan pendidikan kewangan menerusi media sosial dan platform elektronik di agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor. BNM juga menyatakan hasrat untuk berkolaborasi bersama Ahli Dewan Negeri Selangor.
- 6.2.9 Jawatankuasa juga telah mendapatkan maklumat tambahan susulan taklimat tertutup oleh BNM berkenaan data faktor rakyat Malaysia meminjam daripada hasil kaji selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari sudut Permintaan 2018 (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI 2018*) adalah seperti berikut:-

- i) **Pengetahuan Kewangan**

Dua (2) daripada tiga (3) pengguna kurang faham tentang konsep kewangan dan cara produk kewangan dapat dimanfaatkan untuk masa depan. Selain itu, kemahiran literasi dan numerasi yang rendah juga dikesan.
  
- ii) **Perilaku Kewangan**
  - a. Kebanyakan pengguna kewangan mendakwa bahawa mereka ada membuat simpanan jika berlaku perkara di luar jangkaan, tetapi mereka tidak mempertimbangkan pelaburan sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan untuk memenuhi keperluan jangkaan masa depan, misalnya membiayai pendidikan anak-anak mereka.
  - b. Majoriti pengguna kewangan tidak bersedia untuk menangani perbelanjaan luar jangka.
  - c. 24% responden dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga bulan atau lebih selepas hilang punca pendapatan (FCI 2015: 18%), sementara hanya 10% responden mampu melakukannya untuk lebih daripada enam bulan (FCI 2015: 6%).
  
- iii) **Sikap Kewangan**
  - a. Majoriti pengguna kewangan menunjukkan kecenderungan jangka pendek dan sikap 'hidup hanya untuk hari ini' terhadap pengurusan kewangan.
  - b. Sebagai contoh, 51% menganggap bahawa wang adalah untuk dibelanjakan dan bukan disimpan untuk memenuhi keperluan masa depan atau

perbelanjaan kecemasan. Selain itu juga, kira-kira empat (4) dalam sepuluh (10) pengguna kewangan berpendapat yang mereka kurang berdisiplin apabila mengurus kewangan mereka.

#### 6.2.9.1 Pemerhatian di Selangor: Tabiat meminjam

- a. Berdasarkan data yang dikumpul, hanya 18% rakyat selangor terpaksa meminjam bagi menampung keperluan harian dan kos pengangkutan harian (tambang bas, teksi, tol, dan petrol).
- b. Kebanyakan daripada mereka meminjam melalui majikan dan institusi perbankan.
- c. Seramai 42% rakyat Selangor sukar untuk menyediakan RM1,000 dengan serta merta sekiranya berlaku kecemasan.

## 7. PENEMUAN JAWATANKUASA

7.1 Jawatankuasa mendapati terdapat jurang dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan pengurusan kewangan walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti yang telah dinyatakan diatas. Hal ini kerana tiada agensi khas yang fokus untuk melaksanakan program khusus berkenaan literasi kewangan dan mempunyai aplikasi kewangan untuk membuat bajet perbelanjaan (*budgeting tools*) dan mengurus kewangan.

7.2 Jawatankuasa mendapati kelemahan dalam mengurus kewangan adalah antara punca yang menyebabkan masyarakat terbeban dengan bebanan hutang dan juga tidak mempunyai wang yang cukup untuk memenuhi keperluan harian.

## 8. SARANAN JAWATANKUASA

- 8.1 Jawatankuasa mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menjadikan usaha kearah meningkatkan tahap literasi kewangan dan pengurusan kewangan sebagai salah satu keutamaan kerajaan.
- 8.2 Jawatankuasa mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan sebuah aplikasi khas untuk rakyat dalam mengurus perbelanjaan dan kewangan serta khidmat bimbingan / nasihat kewangan kepada mereka berkenaan penggunaan aplikasi tersebut terutama kepada mereka yang berurusan untuk meminta bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pejabat ADN.
- 8.3 Jawatankuasa mencadangkan alternatif iaitu kerajaan boleh berunding dengan aplikasi e-wallet untuk menambah fungsi pengurusan kewangan di dalam aplikasi e-wallet tersebut. Jika ini dapat dilaksanakan kerajaan boleh memberi bantuan kewangan melalui e-wallet selain daripada kaedah sedia ada dan memantau perbelanjaan penerima bantuan pada masa yang sama.
- 8.4 Jawatankuasa juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri mewajibkan penerima bantuan (kewangan atau bukan kewangan) daripada pelbagai inisiatif agensi Kerajaan Negeri untuk membentuk bajet keluarga sebagai syarat menerima bantuan tersebut. Kursus dan bantuan untuk menggunakan *budgeting tools* harus diberi kepada golongan ini.
- 8.5 Berdasarkan statistik dari BNM berkenaan 3 daripada 10 orang dewasa Malaysia yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas, jawatankuasa mencadangkan golongan tersebut perlu mendapat bimbingan dari pihak kerajaan negeri dari aspek membuat bajet (perancangan perbelanjaan) untuk satu jangka masa tertentu.

## 9. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya (UM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa bil. 6/2020 tarikh 12 Februari 2020.

Disahkan oleh:



.....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas

Pembasmian Kemiskinan

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

- 1) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Bukit Gasing)
- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Permatang)
- 3) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Rawang)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof  
(ADN Dusun Tua)
- 5) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin  
(ADN Sungai Panjang)
- 6) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Sungai Kandis)
- 1) Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman  
(ADN Sabak)

## **URUS SETIA**

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi  
Setiausaha Pejabat (Dewan)

- 4) Cik Izan Binti Mohd Taib  
Pembantu Tadbir (Dewan)
- 5) Cik Siti Khadijah Binti Maarof  
Penyelidik Pejabat Speaker

**Pegawai-pegawai yang turut hadir semasa mesyuarat / taklimat / pendengaran tertutup**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)**

- 1) Puan Siti Asiah Ahmad  
Pengarah Senior Bahagian Statistik Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan,  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

**PUSAT PENYELIDIKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL (SWRC), UNIVERSITI MALAYA (UM)**

- 1) Y.Bhg. Emiritus Professor Datuk Norma Mansor  
Pengarah SWRC
- 2) Puan Nik Noor Aznoon  
Timbalan Pengarah SWRC
- 3) Puan Ng Say Fen  
Timbalan Pengurus, Jabatan Pengurusan Strategi, KWSP
- 4) Encik Shahrul Halim  
Timbalan Pengurus, Jabatan Pengurusan Strategi, KWSP

**BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)**

- 1) Datin Arlina Ariff  
Pengarah Jabatan LINK dan Pejabat BNM
- 2) Vijayadurai a/l Singgatore  
Pengurus Jabatan LINK dan Pejabat BNM
- 3) Cik Nurfazleen Kasim  
Eksekutif Tahap Pertama, Jabatan LINK dan Pejabat BNM